



14 Julai 2021
14 July 2021
P.U. (A) 304

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
(PEMERLUASAN DAN PENGUBAHSUAIAN AKTA HOTEL
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2003) 2021

*FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA
(EXTENSION AND MODIFICATION OF THE HOTELS
(FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) ACT 2003)
ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2001

**PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA (PEMERLUASAN DAN
PENGUBAHSUAIAN AKTA HOTEL (WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR) 2003) 2021**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001 [*Akta A1095*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pemerluasan dan Pengubahsuaian Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003) 2021.**

Pemerluasan Akta dan perundangan subsidiari ke Wilayah Persekutuan Putrajaya

2. (1) Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003 [*Akta 626*], yang disebut “Akta yang diperluas” dalam Perintah ini, diperluas ke Wilayah Persekutuan Putrajaya.

(2) Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang diperluas sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua diperluas ke Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Pengubahsuaian Akta yang diperluas dan perundangan subsidiari

3. (1) Akta yang diperluas diubah suai mengikut cara yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang diperluas diubah suai mengikut cara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang diperluas hendaklah dibaca bersama-sama dengan perubahan yang berkenaan dengan nama atau nama jawatan sebagaimana yang perlu untuk menyelaraskan perundangan subsidiari itu dengan peruntukan Akta yang diperluas sebagaimana yang diubah suai.

JADUAL PERTAMA
[Subperenggan 3(1)]

(1)	(2)
Peruntukan Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003	Pengubahsuaian
Kesemuanya (kecuali jika diperuntukkan selainnya dengan nyata kemudian daripada ini)	<ul style="list-style-type: none"> ... 1. Sebutan mengenai "Datuk Bandar" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Presiden"; 2. Sebutan mengenai "kumpulan wang" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Kumpulan Wang"; dan 3. Sebutan mengenai "Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Wilayah Persekutuan Putrajaya".
Seksyen 2	<ul style="list-style-type: none"> ... 1. Potong takrif "Datuk Bandar"; 2. Masukkan selepas takrif "hotel berlesen" takrif yang berikut: ‘ “Kumpulan Wang” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [Akta 536];’; dan
Seksyen 18	<ul style="list-style-type: none"> 3. Masukkan selepas takrif "penghuni" takrif yang berikut: ‘ “Presiden” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Perbadanan Putrajaya 1995;’.
	<ul style="list-style-type: none"> ... Potong subseksyen 18(3) dan (4).

(1)
Peruntukan Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003

(2)
Pengubahsuaian

Subseksyen 32(4)	... Potong perkataan “yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kerajaan tempatan”.
Seksyen 33	... Potong perkataan “yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kerajaan tempatan”.
Seksyen 36	... Potong seksyen ini.
Seksyen 37	... Potong seksyen ini.

JADUAL KEDUA
[Subperenggan 3(2)]

(1)
Peruntukan Peraturan-Peraturan Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
(Pengkompaunan Kesalahan) 2013
[P.U. (A) 283/2013]

(2)
Pengubahsuaian

Kesemuanya (kecuali jika diperuntukkan selainnya dengan nyata kemudian daripada ini)

- ... 1. Sebutan mengenai “Datuk Bandar” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “Presiden”;
2. Sebutan mengenai “Datuk Bandar Kuala Lumpur” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “Presiden Perbadanan Putrajaya”; dan
3. Sebutan mengenai “Datuk Bandar Kuala Lumpur, Peti Surat 11022, Kuala Lumpur” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “Presiden Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya”.